

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 25 / 06 / 2014 | SEKSYEN | NASIONAL |
| MUKA SURAT | 8 | RUANGAN | |

SUSULAN BH BONGKAR PENIPUAN PAKEJ UMRAH

Tiga langkah atasi penipuan pakej umrah

» Inisiatif khas kerajaan pantau pengendali, elak isu terus kritikal

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Kerajaan semalam mengumumkan tiga langkah drastik bagi menangani masalah penipuan pakej umrah di negara ini, termasuk penuhan majlis kawal serta umrah.

Majlis itu akan diterajui Bahagian Pelesiran Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Kerajaan juga bercadang menganjurkan lesen khas umrah bagi memudahkan pemantauan pengendalian pakej umrah dan menyenaraikan 59 syarikat pelancongan sah yang diberi visa umrah oleh Kerajaan Arab Saudi dalam laman web kementerian itu, www.motac.gov.my.

Pada masa sama, Kementerian itu juga akan menamakan semua syarikat yang disenaraikan dalam laman web sama.

Sebuah langkah itu diumumkan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Ia bertujuan menangani isu penipuan pakej umrah yang dis-

fatkan semakin kritis oleh kerajaan berkenaan susulan beberapa siri pendedahan BH mengenainya sejak 5 Mei lalu.

BH melalui laporan khasnya mendedahkan peningkatan hampir 100 peratus kes tunutan penipuan umrah di Tribunal Tunutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang difaikkan tahun lalu, iaitu 761 kes berbanding 381 kes pada tahun 2012 serta meningkat setiap tahun.

Pandang serius penipuan

Mohamed Nazri berkata, kerajaan memandang serius isu penipuan pakej umrah yang turut dibangkitkan pada persidangan Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Menyifatkan penipuan pakej umrah sebagai 'perbuatan hina', beliau berkata, majlis kawal serta umrah itu akan ditubuhkan dalam tempoh terdekat, manakala pengeluaran lesen khas umrah akan membabitkan pindaan kepada Akta Industri Pelancongan 1992.

"Selain semua langkah ini, kita juga akan meningkatkan kesedaran masyarakat kerana tidak ada gunanya tindakan tanpa kesedaran masyarakat," katanya merujuk kepada kes penipuan harga pakej umrah yang terlalu rendah.

Mohamed Nazri berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembawaan Bumiputera



Laporan khas BH mengenai isu penipuan pakej umrah.

Selain semua langkah ini, kita juga akan meningkatkan kesedaran masyarakat kerana tidak ada gunanya tindakan tanpa kesedaran masyarakat"

Mohamed Nazri Aziz,
Menteri Pelancongan
dan Kebudayaan

Malaysia (BUMITRA) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Hadir sama Presiden BUMITRA, Mohd Ayub Hassan; Timbalannya, Ayob Mat Aris dan Setiausaha Bahagian Pelepasan Pe-



lancongan, Kudratullah Fatimy Afandi.

Peralat imam

Akhbar ini baru-baru ini melaporkan ramai umat Islam diperdaya dengan tawaran pakej umrah.

rah serendah RM1,400, selain memperalatkan imam, tokoh agama dan selebriti serta bergerak dari surau ke masjid untuk menipu mangsa.

Susulan laporan BH, banyak pihak termasuk BUMITRA mendangkan kerajaan menubuhkan badan khas untuk mengawal serta pengendalian jemaah umrah yang melebihi 200,000 setiap tahun, selain penetapan harga minimum pakej dan lesen khas untuk syarikat pengendalian umrah.

Mengulas lanjut, Mohamed Nazri berkata pihaknya masih mengkaji keanggotaan majlis itu, termasuk cadangan penetapan harga minimum pakej umrah.

"Kita juga sedang memindah akta untuk mengemaskin hukuman lebih tinggi," katanya merujuk kepada hukuman denda RM50,000 ke atas mereka jika sabit kesalahannya menipu pakej pelancongan, termasuk pakej umrah.